



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
MINISTRY OF HOUSING AND LOCAL GOVERNMENT

**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4Klt.46 (88)
Tarikh : 16 Disember 2021

SIARAN MEDIA

MAJLIS PENYERAHAN TAMAN AWAM TEPIAN SUNGAI MUAR, TANJUNG AGAS, TANGKAK KEPADA MAJLIS DAERAH TANGKAK

TANGKAK, 16 Disember 2021 – YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyempurnakan penyerahan Taman Awam Tanjung Agas, Tangkak kepada Yang Amat Berhormat Dato' Haji Hasni bin Muhammad, Menteri Besar Johor pada hari ini.

Taman awam yang berkeluasan 7.07 ekar ini telah dibangunkan dengan peruntukan Kerajaan Persekutuan **sebanyak RM8.033 juta** dan terletak di pesisiran Sungai Muar dan **telah mula dibuka kepada orang awam bermula 16 September 2020**. Taman ini telah direka bentuk dengan menggunakan konsep 'Warisan' yang menonjolkan cerita rakyat Puteri Gunung Ledang. Ia dapat dilihat melalui reka bentuk elemen-elemen landskap kejur di kawasan taman terutamanya pada lampu taman, papan tanda masuk taman yang bermotifkan Tujuh Dulang Berukir, Dinding Sejarah dan Dinding Informasi (*historical and information wall*). Malah reka bentuk Dataran Rakyat juga diilhamkan daripada reka bentuk cucuk sanggul Puteri Gunung Ledang.

YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bahawa pembangunan Taman Awam Tanjung Agas, Tangkak ini merupakan **salah satu projek pembangunan landskap bagi penyediaan infrastruktur hijau yang berfungsi dan mampan sebagai teras penghijauan perbandaran dan pemeliharaan spesies tumbuhan**. Pembinaan taman ini juga adalah salah satu usaha Kerajaan dalam menterjemahkan dasar kepada tindakan yang menyediakan peluang kepada rakyat untuk mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi, keterangkuman dan hak untuk hidup dalam persekitaran yang harmoni, selamat dan berdaya tahan.

Beliau turut menjelaskan bahawa pembangunan taman awam ini menjadi salah satu komponen agenda Malaysia Berdaya Huni atau Liveable Malaysia yang diterajui oleh KPKT. Berikutan kadar penghijrahan penduduk ke kawasan bandar yang kini mencapai 75 peratus, situasi ini menggambarkan keperluan mendesak kepada kewujudan **daya huni bandar yang seimbang** dari aspek pembangunan fizikal,

kelestarian alam sekitar, ekonomi berdaya maju dan kemakmuran sosial; disamping mengekalkan keunggulan budaya Malaysia.

Taman awam ini turut dilengkapi dengan sistem pencahayaan yang sangat menarik. Pokok-pokok matang di sekitar taman telah diperindahkan dengan lampu-lampu yang berwarna-warni selain penggunaan lampu limbah bagi menjamin keselamatan pengguna taman pada waktu malam. Taman Awam Tanjung Agas ini boleh menjadi mercu tanda baru bagi daerah Tangkak khususnya dan negeri Johor amnya.

Pada majlis ini juga, KPKT memperkenalkan **Anugerah Rosa Sinensis** sebagai satu inisiatif penarafan kepada taman awam dan kawasan hijau yang dirancang, dibangunkan dan diurus secara komprehensif yang memenuhi fungsi pembangunannya. Anugerah ini diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), jabatan/agensi kerajaan dan pemaju yang telah menunjukkan komitmen berterusan untuk memastikan taman awam dan kawasan hijau yang dibangunkan memberi impak yang positif kepada komuniti, alam sekitar perbandaran dan biodiversiti bandar.

Pelaksanaan anugerah seperti ini akan menggalakkan semua pihak yang berkepentingan iaitu PBT, pemaju, pertubuhan bukan kerajaan dan komuniti bekerjasama bagi mencapai matlamat penyediaan taman awam dan kawasan hijau yang berkualiti. ”. KPKT memberikan komitmen penuh bagi menjayakan agenda dan fokus KPKT iaitu “*Liveable Malaysia*” atau Malaysia Berdaya Huni melalui pembangunan landskap dan taman awam yang memberi keselesaan dan kesejahteraan kepada Keluarga Malaysia.

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

